

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 11/2015

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PENGUMPULAN CUTI REHAT KE TAHUN 2016 DAN / ATAU
PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) KEPADA WANG TUNAI BAGI TAHUN 2015**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita pihak kami ingin menarik perhatian YBhg. Prof./Datuk/Datin/Tuan/Puan kepada sumber-sumber kuasa berhubung dengan pengumpulan cuti rehat dan GCR seperti berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003 berkaitan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada staf yang memilih Skim Pencen.
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2014 berkaitan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai Yang Memilih KWSP.
- (iii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008 merujuk kepada Peningkatan Maksimum Cuti Rehat yang boleh dikumpul untuk pemberian Wang Tunai sebagai GCR kepada 150 hari bermula pada 1 Januari 2009.

3. Sesuai dengan pekeling perkhidmatan berkenaan, baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan atas sebab kepentingan perkhidmatan boleh dipertimbangkan untuk dibawa ke tahun hadapan dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada Wang Tunai. Sehubungan itu, sukacita pihak YBhg. Prof./Datuk/Datin/tuan/puan dapat membuat hebahan kepada semua staf di Pusat Tanggungjawab masing-masing untuk mengambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu mulai **1 Disember 2015 hingga 22 Januari 2016**.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

4. Perlu diingatkan bahawa sekiranya tanggungjawab ini tidak dilaksanakan, ia boleh menyebabkan staf hilang kelayakan pengumpulan cuti yang sepatutnya dan tiada sebarang rayuan akan dipertimbangkan selepas tarikh berkenaan. Bagi maklumat lanjut, YBhg. Prof./Datuk/Datin/tuan/puan boleh menghubungi Dr. Hjh Ina Md. Yasin (03-89215011 / e-mel: bpgsm@ukm.edu.my) atau Cik Marsitah Mohd Razali (03-89215401/ e-mel: shitah@ukm.edu.my).

Sekian, terima kasih.

'OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI'

Yang benar,



ASMAHAN MUSA

Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)

Jadual Pelaksanaan e-Cuti 2016

Adalah dimaklumkan bersama-sama ini disertakan Jadual Pelaksanaan e-Cuti 2016 untuk makluman dan tindakan Pengarah/Dekan/Pengerusi Pusat/Ketua Jabatan dan semua staf.

Bil.	Butir-butir Perubahan	Tarikh Laksana	Tindakan
1.	Penjanaan kelayakan cuti 2016	16 - 17 November 2015 (Isnin & Selasa)	PTM
2.	Permohonan Cuti Rehat Tahun 2016 Dibuka	18 November 2015 (Rabu)	Semua Kakitangan
3.	Tarikh Akhir Permohonan dan Kelulusan Cuti Rehat Tahun 2015	30 November 2015 (Isnin)	Pengarah/Dekan/ Pengerusi Pusat/Ketua Jabatan/ Semua Kakitangan
4.	Permohonan dan Pengesahan Bawa Baki dan Gantian Wang Tunai (GCR) Bagi Kakitangan Tetap Secara Atas Talian Dibuka	1 Disember 2015 (Selasa) hingga	Semua Kakitangan
	Kemasukan Permohonan dan Pengesahan Bawa Baki Bagi Kakitangan KONTRAK, SEMENTARA DAN SAMBILAN Secara Atas Talian Dibuka	22 Januari 2016 (Jumaat)	
5.	Penjanaan Baki Cuti Semasa iaitu Jumlah Bawa Baki Dari Tahun Lepas + Kelayakan Cuti Tahunan	25 Januari 2016 (Isnin)	PTM
6.	Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian serta menepati tarikh yang telah ditetapkan. Kegagalan kakitangan melaksanakan tanggungjawab ini boleh mengakibatkan hilang kelayakan Bawa Baki Cuti Rehat dan Gantian Wang tunai (GCR) bagi tahun 2015.		Semua kakitangan

Disediakan oleh:
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia
17 November 2015